



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING iLQAM

Bilangan 3/2010

Kepada
Semua Ketua Bahagian/Pusat/Unit
Dekan-Dekan Fakulti
Pengarah-Pengarah Kampus

Assalamu alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Y. Bhg. Dato'/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan

PINDAAN PEKELILING iLQAM BIL 2/2008 - SYARAT PENGECUALIAN STAF AKADEMIK DARIPADA MENGHADIRI KURSUS ASAS PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENSYARAH BARU UiTM

Dengan segala hormatnya pihak iLQAM ingin menarik perhatian Y. Bhg. Dato'/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan kepada perkara di atas.

Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) peringkat UiTM yang ke-1/2010 pada 3 Ogos 2010 telah meluluskan untuk menggunakan Pekeliling iLQAM bil 3/2010 - Syarat Pengecualian daripada Menghadiri Kursus Asas Pengajaran dan Pembelajaran Pensyarah Baru UiTM (KAP) seperti berikut :-

SYARAT-SYARAT:

Pensyarah baru yang berjawatan tetap boleh memohon untuk mendapat pengecualian menghadiri KAP sekiranya memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- i. **Pengalaman bekerja di industri dalam bidang berkaitan dengan bidang pengajaran lebih daripada 10 tahun.**

(Contoh: Jika pemohon adalah pensyarah insuran dan sebelum ini pernah bekerja di dalam bidang insuran selama 10 tahun)

dan

Pemohon juga mestilah telah memenuhi 20 jam kursus pengajaran dan pembelajaran yang dianjurkan oleh iLQAM terutama kursus-kursus seperti "Approaches to Teaching, Outcome Based Education, Curriculum Design/Measurement & Evaluation".

atau;

- ii. **Telah mengajar (tetap dan sepenuh masa) lebih dari 5 tahun di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Bagi menepati syarat ini, pemohon mestilah:**

- a. Pensyarah IPTA berdasarkan senarai IPTA Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) (sila rujuk laman web KPT) dan mestilah sekurang-kurangnya berjawatan Pensyarah DM45, berjawatan tetap dan mengajar sepenuh masa; atau
- b. Pensyarah DM41 yang telah mengikuti dan dianugerah sijil lulus KAP yang sama taraf dengan KAP iLQAM; atau
- c. Telah menghadiri kursus asas pengajaran di IPTA lain yang sama taraf dengan KAP iLQAM mengikut modul yang telah ditetapkan oleh KPT 2005

dan

Pemohon juga mestilah telah memenuhi 20 jam kursus pengajaran dan pembelajaran yang dianjurkan oleh iLQAM terutama kursus-kursus seperti "Approaches to Teaching, Outcome Based Education, Curriculum Design/Measurement & Evaluation".



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING iLQAM

atau;

- iii. Telah mendapat pasca diploma atau ijazah sarjana muda dalam bidang pendidikan dari mana-mana Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) atau Maktab dalam atau luar negara dalam tempoh tidak melebihi dari 10 tahun

dan

Pemohon mestilah juga telah memenuhi 20 jam kursus pengajaran dan pembelajaran yang dianjurkan oleh iLQAM terutama kursus-kursus seperti "Approaches to Teaching, Outcome Based Education, Curriculum Design/Measurement & Evaluation".

Lain-lain keperluan:

- a) Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.
- b) Setiap permohonan mestilah melalui dekan atau pengarah kampus serta dilampirkan dengan dokumen-dokumen sokongan yang disahkan oleh dekan atau pengarah kampus.
- c) Staf akademik yang memenuhi mana-mana syarat di atas perlu memuat permohonan secara bertulis kepada Penolong Naib Canselor iLQAM.

Pekeliling iLQAM 2/2010 ini berkuatkuasa serta merta mulai tarikh ianya dikeluarkan.

Dengan berkuatkuasanya Pekeliling iLQAM bil 2/2010 ini, Pekeliling iLQAM bil 2/2008 adalah terbatal.

Sehubungan dengan ini pihak Y. Bhg. Dato'/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan diminta untuk memaklumkan kepada semua staf akademik mengenai perkara tersebut.

Kerjasama pihak Y. Bhg. Dato'/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan amat dihargai.

Sekian, wassalam.

Yang benar

PROF DR HAZADIAH MOHD DAHAN, S.A.P
Penolong Naib Canselor (Kepimpinan)

Bil. Fail : 100-iLQAM (6/7)
Tarikh : 04 Ogos 2010